

02/05/1997

HVD melangkah ke pasaran global

Kadir Dikoh

BERBANDING sektor lain yang banyak melangkah ke peringkat global dalam kegiatan masing-masing berikutan kemajuan pesat pembangunan ekonomi negara, kebanyakan firma yang terbabit dalam industri drama dan perfileman tempatan pula masih meraba-raba untuk bertapak kukuh biarpun di negara sendiri.

Soal pertelingkahan sesama sendiri, dakwaan rasuah, pilih kasih, cetak rompak, rakam rompak dan lagu saduran, kerap didengar. Namun ada syarikat rakaman tempatan yang berjaya tetapi kegiatannya masih tertumpu untuk pasaran domestik.

Tetapi kemunculan syarikat penerbitan tempatan, HVD Holding Sdn Bhd (HVD) yang pada peringkat awal penubuhannya menghadapi pelbagai kesulitan serta kecaman, sudah melangkah jauh dengan menembusi pasaran di peringkat antarabangsa sejak kebelakangan ini.

Ekuiti 30 peratus dalam HVD dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan manakala bakinya milik keluarga Sebastian Foo dan Adnan Zakaria.

"Kita tidak boleh mengharapkan pasaran tempatan semata-mata kerana ia agak terbatas dengan jumlah penonton tidak ramai. Mahu tidak mahu, kita harus memperluaskan kegiatan pemasaran itu ke peringkat antarabangsa," kata Pengarah Urusan HVD, Sebastian Foo.

Apa yang diperkatakannya itu bukan satu kenyataan biasa dan kesungguhan syarikat terbabit lebih terserlah apabila ia kerap menyertai pameran bertujuan promosi filem serta drama terbitannya ke peringkat global.

Baru-baru ini, HVD bersama 17 lagi firma dari Malaysia menyertai pesta Pemasaran Program Televisyen Antarabangsa (MIP-TV) 1997 selama seminggu di Cannes, Perancis.

Foo yang ditemui di pesta itu berkata, impian HVD bukan sahaja untuk menjual terbitannya di peringkat antarabangsa malah ingin membawa bersamanya bendera Malaysia, sejajar dengan langkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi melalui drama bagi memperkenalkan imej negara.

Beliau berkata, syarikatnya dijangka menembusi pasaran baru untuk rancangan terbitannya di Afrika, Amerika Latin, Eropah dan India termasuk mengadakan kerjasama dengan stesen televisyen negara terbabit.

Katanya, rundingan lanjut sedang dijalankan dan kemungkinan menubuhkan syarikat usaha sama bagi mengeksport pula rancangan itu, untuk diperluaskan ke beberapa negara lain.

"Saya berharap keputusan mengenai bentuk kerjasama itu dapat diketahui sebelum akhir tahun ini. Kami berhasrat memperkenalkan Malaysia melalui drama untuk tontonan dunia sama ada menerusi televisyen, televisyen kabel atau stesen berbentuk satelit.

"Sebenarnya, pasaran untuk drama begitu meluas seperti di Portugal dan Sepanyol meskipun sudah banyak drama dalam pasaran di sana. Tetapi pembikinan drama di situ menelan kos tinggi. Di sinilah peluang bagi drama asing seperti dari Asia boleh memenuhi ruang itu," katanya.

Beliau berkata, HVD mahu menubuhkan syarikat usaha sama bagi memperkukuhkan kedudukan di Amerika Latin itu manakala di India pula, pasarannya begitu luas. HVD sedang berunding dengan sebuah stesen televisyen di India untuk kemungkinan membeli rancangan terbitan syarikat itu.

Selain itu kata Foo, HVD ingin memperluaskan kegiatan di negara-negara yang dianggap "Brown market" iaitu negara yang bukan bercakap Cina seperti

Indo-China, Filipina, Utara India, Indonesia dan Thailand dengan jumlah penduduknya yang begitu ramai.

Katanya, untuk tujuan itu, HVD membuat banyak pelaburan dalam bidang pembangunan dan penyelidikan (R & D) bagi merancang produk sesuai untuk pasaran tertentu berdasarkan cita rasa penonton di sesebuah negara.

Mengenai pelaburan di luar negara itu, beliau berkata ia masih terlalu awal untuk diunjurkan tetapi meramalkan perolehan kira-kira RM200 juta setahun keseluruhannya bagi HVD dalam tempoh kurang dua tahun mulai sekarang.

Di dalam negara pula, HVD mahu terus memperkembangkan industri perfileman dengan membina kompleks studio penggambaran serta taman tema perfileman di Cheras, Selangor.

Katanya, HVD mahu menjadikan studio itu sebagai "akademi hidup" bukan sahaja bagi memesat industri filem serta drama tempatan, malah mahu Malaysia dikenali sebagai pusat industri terbabit sekurang-kurangnya di rantau ini.

HVD sedang membina studio bernilai RM30 juta di Cheras itu yang dijangka siap akhir tahun ini atau awal tahun depan atas tapak seluas empat hektar. Antara prasarana yang sedang dibina itu ialah sebuah perkampungan Melayu lama, Petaling Street, bangunan Gian Sing di Lebuhraya Pasar Besar dan Le Coq d'or di Jalan Ampang serta Balai Besar Kedah.

"Malah, kami merancang membina sebuah lagi studio di kawasan berdekatan atas tapak seluas 14 hektar, yang lebih besar, membabitkan pelaburan lebih RM100 juta," kata Foo.

Apabila siap menjelang tahun 2000, gabungan dua studio itu adalah terbesar di Asia dan layak digelar "Hollywood Malaysia", jika tidak "Hollywood Asia".

Beliau berkata, kewujudan studio itu besar kemungkinan meningkatkan lagi penerbitan HVD ke arah menjadi penyumbang utama perkembangan industri perfileman di Asia, dengan perjalanan operasi syarikat yang lebih cekap.

Di pesta MIP-TV '97 di Cannes baru-baru ini, HVD menggunakan tema "The Drama of Asia" dan drama dijual adalah berbentuk pelbagai kaum seperti Cina, Melayu dan India, bagi menepati gambaran mengenai Malaysia.

HVD terkenal dengan drama bersiri televisyen tempatan seperti "Double Bonus" dan "Twin Happiness" dalam kantonis manakala dalam bahasa Melayu pula seperti siri "Pendekar" dan "Hotel".

Menteri Penerangan Datuk Mohammed Rahmat yang melawat ruang pameran HVD di Cannes itu turut memuji syarikat berkenaan yang disifatkannya amat berdaya maju dan satu-satunya syarikat tempatan cergas di pemasaran antarabangsa.

Katanya, syarikat tempatan lain harus mengambil contoh itu dan tidak hanya terlalu mengharap Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai tempat membekal drama atau filem mereka manakala kesediaan RTM membeli rancangan terbitan HVD adalah kerana mutunya baik.

Bagaimanapun, Pengurus Pemasaran Kumpulan HVD Holding, Henry Tan berkata syarikatnya sama sekali tidak menganggap mana-mana syarikat perfileman tempatan sebagai saingan.

"Sebab itulah kami mahu pergi ke peringkat global. Apabila kita menggunakan rakyat Hong Kong untuk turut serta, ini bermakna kita mahukan kepakaran mereka kerana Hong Kong sudah jauh lebih maju dalam industri filem. HVD sebenarnya mahu menjadi antara pemain ternama dalam pengeluaran drama serta filem di peringkat antarabangsa," katanya.

(END)